

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PENENTUAN HUKUM IBADAH
DALAM KONTEKS SEMASA DI
MALAYSIA MELALUI
PARAMETER PENTARJIHAN
SHAFI'IYYAH**

NIK AIRIN AQMAR BINTI NIK AZHAR

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
KONTEMPORARI**

Jun 2025

ABSTRAK

Kepelbagaian pendapat yang terdapat dalam mazhab Shāfi'ī memberi ruang kepada para sarjana hukum untuk menyuarakan pandangan ketika menyelesaikan permasalahan hukum dalam konteks semasa. Keperluan untuk berpegang kepada pendapat muktamad mazhab Shāfi'ī atau ketetapan fatwa oleh institusi berautoriti perlu diikuti sebagai panduan kepada masyarakat supaya tidak berlaku polemik dan konflik yang berpanjangan. Namun, terdapat sebahagian amalan yang dilakukan oleh masyarakat menggunakan pendapat lemah (marjūh) mazhab Shāfi'ī berbanding pendapat kuat (rājih). Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan konsep penentuan pendapat rājih dan marjūh dalam kalangan Shāfi'iyyah, menganalisis kaedah pemilihan pendapat rājih dan marjūh dalam konteks semasa dan mencadangkan parameter pemilihan pendapat rājih marjūh melalui pentarjihan Shāfi'iyyah. Metodologi kajian yang digunakan berbentuk kualitatif melalui kaedah pengumpulan data dan analisis data. Pengumpulan data dibuat secara dokumentasi dengan memfokuskan kepada kitab-kitab muktabar mazhab Shāfi'ī seperti *al-Umm*, *al-Risālah*, *Minhāj Talbin*, *Raudah Tālibīn*, *Tuhfatul Muhtāj*, *Nihāyah al-Muhtāj*, kitab-kitab terkemudian ulama kontemporari, kitab ulama nusantara yang bermazhab Shāfi'ī seperti *Sabīlul Muhtadin*, *Sulam Muhtadi*, *Furū' al-Masa'il* dan *Sirat al-Mustaqim* dan senarai fatwa di Malaysia sebagai panduan terhadap sampel isu dalam permasalahan ibadah. Hasil dapatan akan dianalisis menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Seterusnya analisis tematik dijalankan menggunakan perisian *Atlas ti.9* untuk menjelaskan kaedah tarjih Shāfi'iyyah. Hasil kajian mendapati, keputusan yang dibuat oleh autoriti iaitu institusi fatwa di Malaysia telah melalui proses yang sama digunakan oleh Shāfi'iyyah terdahulu dalam membuat keputusan hukum. Terdapat lima parameter yang telah dicadangkan dan dibangunkan perlu diikuti oleh institusi fatwa dalam membuat keputusan hukum melalui proses pentarjihan iaitu menguasai usul Shāfi'iyyah, mengkaji gambaran permasalahan hukum (*marhalah taṣwīr*), mengenal pasti punca masalah dalam menentukan hukum (*marhalah taḥqīq mas'alah*), menentukan solusi (*marhalah taḥdīd*) dan membuat kesimpulan hukum (*marhalah al-hukm*). Berdasarkan cadangan lima parameter yang perlu diikuti oleh institusi fatwa dalam membuat keputusan hukum, kajian seterusnya boleh diperluas dalam konteks hukum yang lebih luas, termasuk muamalat, *jinayah*, dan *munakahat*.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji-pujian dipanjatkan ke hadirat Ilahi, selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat, para pendokong kebenaran dan keadilan serta pencinta kedamaian. Jutaan kesyukuran dipanjatkan kepada Ilahi, di atas ruang dan kesempatan yang diizinkan-Nya, dapat menyempurnakan penulisan tesis ini.

Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan ditujukan khas kepada Profesor Madya Dr. Azri Bhari selaku penyelia disertasi ini di atas kesudian dan kesungguhan beliau dalam memberi bimbingan, komentar dan cadangan membina dalam meneliti penulisan ini dengan penuh keprihatinan dan kesabaran sehingga ke helaian terakhir. Seterusnya ditujukan juga kepada Dr. Mohd Faiz Mohamed Yusof dan Dr. Mohd Zuhaili Saiman selaku pembantu penyelia yang banyak membantu dari sudut bahan rujukan sentiasa memberikan motivasi dalam menyelesaikan penulisan ini.

Selain itu, ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada informan Ustaz Zubair Amir Nur Rasyid (Ketua Unit Penyelidikan, Pejabat Mufti negeri Selangor), Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed (Ketua Penolong Mufti, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan), Profesor Dr. Irwan Mohd Subri (Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia) dan beberapa informan lain di atas kesudian ditemu bual untuk melengkapkan sebahagian daripada penulisan tesis ini serta tidak dilupakan juga kepada Yayasan Bantuan Ihsan Malaysia yang meringankan kewangan dan menyediakan biasiswa sepanjang pengajian berlangsung.

Pada kesempatan ini juga, penghargaan teristimewa penulis lakarkan kepada ayahanda tercinta Nik Azhar bin Nik Yusof, bonda tersayang, [REDACTED]. Tidak lupa juga adik beradik tercinta Nik Nur Ayuni Ardila, Nik Amirul Aizat, Nik Alif Aiman, Nik Alia Amira dan Nik Anis Afiqah. Terima kasih di atas segala dorongan dan sokongan.

Penghargaan juga diucapkan kepada sahabat-sahabat khususnya Nurul Syazwani, Ummi Sulaimn, Noor Azlina, Nur Zahidah dan pelajar-pelajar pascasiswazah yang lain. Terima kasih di atas pengertian dan persahabatan yang telah diberikan. Kenangan persahabatan sepanjang pengajian serta dorongan dan kasih sayang yang tidak ternilai sangat membantu penulis untuk meneruskan dan menyempurnakan kajian ini.

Akhirnya, terima kasih buat semua pihak yang telah membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga setiap kerjasama yang diberikan akan diberikan ganjaran yang sewajarnya oleh Allah S.W.T.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
JADUAL TRANSLITERASI	xix

BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Jangkaan Hasil Kajian	9
1.8 Kesimpulan	10

BAB 2 PENTARJIHAN PENDAPAT SHĀFI'IIYAH	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Konsep dan Teori Pentarjihan Mazhab Shāfi'ī	11
2.2.1 Perkembangan Pendapat Shāfi'īyyah	11
2.2.2 Fasa dan peringkat perkembangan mazhab Shāfi'ī	22
2.2.2.1 Fasa Pengasasan Mazhab (Ta'sīs) Kurun Kedua dan Ketiga Hijrah	22
2.2.2.2 Fasa Periwaiyatan Mazhab (Al-Naql) Kurun Keempat	

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Mazhab Shafi'i yang muncul dalam perkembangan Islam telah mencetuskan satu dimensi baharu yang menjadi pegangan umat Islam terutama di Malaysia. Kemunculannya menjadikan aliran pemikiran, pengajian hukum dan amalan hampir keseluruhan berteraskan mazhab beliau. Selain dalam bidang pengajian dan amalan, mazhab ini juga menjadi asas kepada pembentukan birokrasi pentadbiran agama. Hampir kesemua pegawai kerajaan seperti mufti, kadi, Imam dan selainnya berpegang kepada mazhab Shāfi'ī (Mahaiyadin & Abdul Aziz, 2020; Rahman et al., 2016; Muda, 2019)

Berpandukan karya-karya fiqh yang ditulis oleh tokoh mazhab dan pendukung mazhab Shāfi'ī, menjadikan masyarakat mengenali lebih mendalam tentang latar belakang kemunculan mazhab beliau. Namun, fokus utama yang menjadi bayangan segelintir masyarakat dan sarjana hukum dalam pembacaan karya ini ialah mengenai teori kefahaman mengenai konsep istilah yang pelbagai. Antara kepentingannya untuk mengenal pasti sama ada pendapat tersebut *rājiḥ* atau *marjūḥ* (Syed Shamsuddin et al., 2020).

Lafaz-lafaz yang menunjukkan pendapat *rājiḥ* dan *marjūḥ* akan dibahaskan dalam bab 2 untuk mencapai objektif pemahaman sebenar terhadap karya fiqh Shāfi'ī, kerana setiap istilah tersebut mempunyai definisi berbeza antara satu sama lain. Antara kepentingan yang dapat disingkap melalui pemahaman mempelajari *muṣṭalahāt* Shāfi'iyyah kerana terdapat perubahan fatwa yang berlaku khususnya di Malaysia kerana secara lazminya, pendapat *mukṭamad* (*rājiḥ*) menjadi keutamaan sebelum berpindah kepada pendapat *marjūḥ* (Haji Abd. Majid, 2007). Justeru, perubahan fatwa yang berlaku sebaiknya diterangkan kepada masyarakat dengan jelas dan teratur.

Perubahan fatwa turut berlaku ketika zaman kematangan fiqh, sebagai contoh pembentukan pendapat *qadīm* dan pendapat *jadīd* yang terhasil daripada *ijtihad* Imam Shāfi'ī ketika beliau berada di Iraq dan Mesir dipengaruhi oleh corak pemikiran Imam Shāfi'ī terhadap *ijtihad* semasa yang dipelajari daripada guru-guru beliau (Kasdi, 2013).